

Memperkasa data raya sektor awam

Mutakhir ini ramai berbicara mengenai data raya, baik sektor awam atau swasta. Pelbagai inisiatif dilakukan bagi menghidupkan sistem dan budaya kerja bersesuaian ledakan trend data raya.

Di Malaysia, Kerajaan Persekutuan melalui Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Malaysia (MAMPU) menggerakkan inisiatif analisis data raya.

Takrifan data raya berkembang. Sebelumnya ia ditakrifkan sebagai pengumpulan data yang mempunyai ciri-ciri 3V iaitu *volume* (jumlah yang besar), *variety* (kepelbagaian format mahupun jenis) dan *velocity* (halaju).

Singkatan 3V merujuk koleksi data cukup banyak untuk disimpan dan diproses mencecah ribuan, jutaan malah ada yang berbilion meliputi teks, audio, video dan lain-lain yang sentiasa pantas berubah. Lantas, ia perlu dikemas kini dengan kerap.

Takrifan kemudian dikembangkan melalui penambahan tiga lagi V iaitu *veracity* (kesahihan dan ketepatan), *value* (nilai dijana daripada data) dan *variability* (kepelbagaian cara data boleh diformat dan diguna)

Bukan semua data dikumpul sah

dan tepat. Contoh mudah maklumat di media sosial - ada palsu dan separa benar. Ini perlu disaring sebelum mencapai ciri data raya dimaksudkan.

Data yang banyak setakat disimpan tanpa digunakan, tidak mendatangkan apa-apa nilai. Ini juga tidak mencapai maksud data raya.

Takrifan data raya juga mencakupi data dikumpul yang boleh diubah suai dalam pelbagai format mahupun jenis dan ia seterusnya digunakan untuk pelbagai tujuan.

Kerajaan paling banyak mempunyai koleksi data merangkumi segenap lapisan masyarakat meliputi orang awam, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sebagainya.

Di Malaysia, beberapa perkara perlu diambil perhatian dalam menambah baik dan mengembangkan penggunaan data raya.

Perkongsian data untuk tujuan mengintegrasikan data atau mengembangkan maklumat masih ketinggalan berbanding negara maju. Kita masih berdepan masalah dalam data raya apabila agensi kerajaan yang mempunyai kepentingan bersama, tidak berkongsi data.

Dalam kalangan agensi kerajaan, pemahaman tentang pengklasifikasian data untuk membezakan antara sulit dan terbuka masih membelenggu sektor awam.

Akibatnya, banyak data dimiliki ke-

rajaan hanya tersimpan dalam fail. Ahli akademik berhasrat mendapatkan data tertentu pasrah dengan kerenah birokrasi, walhal kalau diikutkan standard negara maju, data yang perlu dipohon secara rasmi ini secara perbandingan dipaparkan terbuka di laman web kerajaan.

Pelabur juga pasrah mencari maklumat, yang sepatutnya mudah diakses melalui laman web.

Perkongsian data antara agensi negeri dan Persekutuan juga bermasalah. Ada agensi terpaksa menunggu jawapan berbulan lamanya. Itupun tidak dikongsi secara keseluruhannya oleh agensi yang menjawab.

Pokok masalahnya, tidak ada klasifikasi jelas data mana dikategorikan sulit, boleh dikongsi dengan agensi yang mempunyai kepentingan sama dan yang mana sepatutnya dikongsi untuk tatapan awam.

Kerajaan pernah mengeluarkan pekeliling kepada semua agensi pada peringkat Persekutuan dan negeri berkenaan pelaksanaan data terbuka sektor pada September 2015.

Selepas lima tahun, tampak banyak kemajuan dicapai dengan pelbagai laman web kementerian berkongsi penerbitan laporan, namun masih sedikit benar-benar berkongsi data dan statistik dalam erti kata sebenar.

Ada memaparkan pautan data yang terputus dan tidak boleh diakses. Ada pula mempunyai pautan yang hanya memaparkan data terlalu asas dan tidak membantu.

Lebih menyedihkan pada peringkat negeri di mana rata-rata laman web kerajaan negeri tidak mempunyai pautan data dan statistik. Kalau ada pun, ceritanya tetap sama - perkongsian berlaku sedikit dengan ada antaranya berkongsi bilangan set data yang boleh dibilang dengan jari.

Dicadangkan supaya diwujudkan jawatan kumpulan penganalisis data yang berperanan membuat kompilasi, mengesahkan, mengemas kini, menganalisis dan memuat naik data signifikan kepada orang ramai dan penyelidik.

Kumpulan ini hanya memfokuskan kerja berkaitan data raya dan analisis serta menyantuni keperluan data antara agensi, orang ramai dan ahli akademik.

Sinergi manfaat dan signifikan data raya akan berkembang dengan banyak jika tinggi kadar data dikongsi. Lebih banyak dikongsi, lebih banyak kajian dan analisis boleh diperoleh dalam membantu perkhidmatan sektor awam dan seterusnya manfaat kepada rakyat.

Penulis adalah Ketua Kluster Analitik Data, Institut Darul Ridzuan



Mohd Nadzri Kamsin